

Diplomat asing hantar perutusan tahniah

BH -
4/6/2006

KUALA LUMPUR: Perwakilan asing di Malaysia menghantar ucapan tahniah dan perutusan kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, yang menyambut Hari Keputeraan rasmi baginda ke-63, semalam.

Ketua perwakilan asing dan Duta Fiji ke Malaysia, Adi Samanumu Talakuli Cakobau dalam perutusannya juga mengucapkan tahniah kepada Malaysia dan rakyatnya supaya terus makmur, harmoni dan aman.

"Rakan saya dan saya sudah menjalin hubungan rapat berikutan kemajuan Malaysia yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan kerajaan beliau," katanya berucap mewakili perwakilan asing di Kuala Lumpur pada Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran di Istana Negara di sini, semalam.

"Kita yakin Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) akan memperoleh kejayaan, dan akan membawa Malaysia mencapai Wawasan 2020," katanya.

Mengenai ekonomi dunia, beliau berkata, Malaysia mara ke satu tahap baru dengan menyediakan tenaga alternatif dalam bentuk biofuel dalam penyelidikan dan pembangunan untuk memperoleh pengiktirafan dan penerimaan antarabangsa.

Beliau berkata, mendahului dengan contoh, negara ini menunjukkan kejujurannya dengan memainkan peranan penting dalam Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Dalam arena antarabangsa lain, penyertaan Malaysia sekali lagi menyahut seruan serta merta dengan menyediakan pasukan pengaman ke Timor Leste, satu tindakan yang menimbulkan sambutan positif daripada jiran yang mesra.

"Beberapa hari selepas itu, Malaysia bertindak sekali lagi, dengan menyediakan bantuan kecemasan dalam bentuk anggota perubatan dan makanan kepada mangsa gempa bumi di Yogyakarta, Indonesia," katanya.

Beliau berkata, Malaysia sentiasa sensitif kepada keperluan kemanusiaan dan semangat Malaysia Boleh masih lagi digunakan. - Bernama

“ Kita yakin RMK-9 akan memperoleh kejayaan dan membawa Malaysia mencapai Wawasan 2020”

Adi Samanumu
Talakuli Cakobau
Ketua perwakilan asing dan
Duta Fiji ke Malaysia